

## Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama

Rhetoric Descriptive in Religious Talk.

HUSNA HIDAYAH MANSOR, NOR AZUWAN YAAKOB & ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH

### ABSTRAK

*Pengkaji melakukan kajian ini untuk melihat teknik retorik yang digunakan dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias. Retorik merupakan elemen penting dalam sebuah ceramah bagi menarik perhatian khalayak dan tanpa unsur retorik suatu ceramah akan menjadi hambar dan kaku. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan Model Retorik Raminah Sabran (2002) dan kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis ceramah ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan teknik retorik yang paling dominan digunakan dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias ialah retorik pemerian. Teknik ini banyak digunakan oleh Ustaz Kazim Elias bagi menarik perhatian khalayak supaya mereka mudah memahami isi penyampaian ceramahnya. Penggunaan retorik dalam ceramah agama membantu penceramah menyampaikan dakwah yang berkesan dan mampu mengubah fikiran, emosi dan tindakan khalayak.*

*Kata kunci:* Retorik; ceramah agama; Ustaz Kazim Elias

### ABSTRACT

*This research targets to find out the rhetorical techniques employed in religious talk by Ustaz Kazim Elias. Rhetoric is an important element in religious talk to attract audience's attention and rhetoric without the talk will be tasteless and stiff. This work was executed utilizing the Model Rhetoric by Raminah Sabran (2002) and analytical methods utilized to examine the content of this writing. Results indicated that the most rhetorical techniques employed in religious talk by Ustaz Kazim Elias are rhetorical descriptions. This technique is widely used by Ustaz Kazim Elias to attract the audience's attention and get them to understand the context of speech delivery. The use of rhetoric in missionary help speaker to produce an effective speech to deliver missionary work that can change minds, emotions and actions of the reader.*

*Keywords:* Rhetoric; religious talk; Ustaz Kazim Elias

### PENGENALAN

Retorik merupakan teknik pertuturan mahupun penulisan yang mementingkan penggunaan gaya, strategi, bahan dan khalayak yang berkesan. Retorik merupakan cara pendakwah menyampaikan dakwahnya sehingga golongan sasaran tertarik dengan maklumat atau mesej yang ingin disampaikan. Perkara ini perlu diteliti oleh pendakwah daripada segi gaya bahasa, penampilan dan teknik penyampaian yang memiliki daya sentuh pada hati pembaca dan khalayak sehingga perhatian dan penghayatan mereka menjadi khusyuk dan mesej tersebut meresap ke dalam jiwa mereka.

Zoriati Osman (2005) menyatakan golongan sasaran akan terpengaruh dengan sesuatu penulisan atau pengucapan apabila penulis atau pengucap menggunakan ciri-ciri bahasa yang bergaya, mengasyikkan dan seronok didengar. Hal ini kerana bahasa ‘hidup’ mengikut cara penggunaannya dan

kerana itu penggunaan bahasa yang menarik penting dalam pertuturan dan juga penulisan.

Raminah Sabran (2002) menyatakan retorik ialah medium bagi penulis menyampaikan idea dan juga rasa kepada pembaca dengan penulisannya yang berkesan. Kecekapan penulis mengaplikasikan penggunaan retorik dalam penulisannya akan membantu menghasilkan sebuah penulisan yang terdiri daripada wacana yang kukuh dan dapat meraih keyakinan pembaca terhadap isu yang dibentangkan (Lanham 1991).

Nor Raudah Siren (2013) menyatakan retorik dan dakwah saling memerlukan antara satu sama lain kerana kedua-duanya mengutamakan keberkesanannya dalam menyampaikan mesej terhadap khalayak. Dakwah merupakan suatu aktiviti yang menjadi kewajipan kepada seorang Muslim untuk menyebarkan ajaran Islam mengenai kefahaman berkenaan kepercayaan (aqidah) dan amalan, iaitu berkenaan syariah dan akhlak.

Dakwah bermatlamat membentuk peribadi rabbani, pembentukan masyarakat rabbani dan pembentukan hukumah rabbaniyah. Pembentukan ketiga-tiga ini dapat melaksanakan tuntutan Islam dan mendapat keredhaan Allah (Ab Aziz Mohd Zin 2013).

Dakwah jika dipandang daripada sudut psikologi ialah satu proses mempengaruhi golongan sasaran supaya adanya perubahan daripada segi pemikiran dan juga tindakan mereka kepada kefahaman dan amalan yang sesuai dengan tuntutan agama Islam (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid 2014). Hal ini menuntut penceramah supaya menghasilkan sebuah ceramah yang mempunyai daya tarik supaya golongan sasaran dapat mendengar ceramah tersebut dengan rasa gembira dan terpengaruh serta mempraktikkan idea dan saranan yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, retorik bukan sahaja digunakan oleh pendakwah bagi menarik minat masyarakat supaya datang mendengar majlis ilmu agama sama ada untuk menambah pengetahuan atau mempelajari ilmu baharu malahan melalui cara ini hubungan antara pendakwah dan masyarakat juga dapat dieratkan. Tambahan pula, melalui medium ini, tuntutan amar makruf dan nahi mungkar dapat dilakukan secara berkesan kepada golongan sasaran.

### KAJIAN LEPAS

Zikmal Fuad (2015) meneliti mengenai pendekatan bahasa dalam dakwah. Menurut pengkaji, bahasa yang sesuai dan dekat dengan masyarakat akan menentukan kejayaan dakwah tersebut. Terdapat enam istilah penggunaan bahasa yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah, iaitu *Qaulan Layyina* (penggunaan kata yang lemah-lembut), *Qaulan Baligha* (perkataan yang membekas di jiwa), *Qaulan Maysura* (perkataan yang menyenangkan dan menggembirakan), *Qaulan Karima* (perkataan yang mudah dan lembut), *Qaulan Sadida* (perkataan yang lurus dan benar), dan *Qaulan Ma'rufa* (perkataan yang baik-baik). Penggunaan bahasa yang berkesan oleh penutur atau penulis akan dapat mengubah pemikiran dan sikap khalayak.

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2014) menulis mengenai kaedah-kaedah membina pengisian berunsur dakwah melalui penulisan dalam media baharu. Antara strategi yang dapat digunakan bagi mempengaruhi pemikiran pembaca ialah penulisan

yang mempunyai pengaruh maklumat, penulisan yang mempunyai pengaruh rujukan, penulisan yang mempunyai pengaruh kepakaran, penulisan yang mempunyai pengaruh kuasa sah, penulisan yang mempunyai pengaruh ganjaran dan ancaman, penulisan yang mempunyai pengaruh maklum balas dan penulisan yang mempunyai pengaruh keserupaan. Penulis merumuskan bahawa, jika penulisan dakwah ingin menarik perhatian pembaca, pendakwah atau penulis perlu menguasai ilmu-ilmu Islam, ilmu psikologi dan juga ilmu semasa yakni berdakwah seiring dengan perkembangan teknologi. Hal ini akan dapat menarik perhatian pembaca supaya mereka tertarik dan terpengaruh dengan penulisan tersebut dan seterusnya dapat melakukan atau mempraktikkan idea-idea yang disarankan dalam penulisan tersebut.

Zoriati Osman (2005) membuat kajian mengenai retorik pujukan dalam ceramah Haji Hadi Awang. Kajian ini memberi tumpuan terhadap teknik pemujukan dan keberkesanan penggunaan bahasa yang digunakan oleh penceramah. Kajian mendapati Haji Hadi Awang bijak menggunakan unsur ragam bahasa, bahasa kiasan dan kepelbagaiannya teknik pujukan dalam ceramahnya. Unsur-unsur ini bertujuan untuk memberitahu, menjelaskan, mempertahankan, meluahkan hasrat, idea dan perasaan penceramah.

Nor Raudah Siren & Faridah Mohd. Sairi (2003) mengkaji beberapa aspek retorik yang berunsurkan insaniah dalam surah al-Ra'd. Hasil kajian yang dilakukan penyelidik menyatakan terdapat lima gaya bahasa yang terkandung dalam surah tersebut, iaitu gaya kiasan, perulangan, penggunaan huruf, pemilihan perkataan dan soalan retorik. Unsur gaya bahasa yang digunakan ini, kesemuanya bertujuan menyeru manusia ke arah kebenaran dan mentauhidkan Allah SWT.

Fadilah Isnin (2002) mengkaji mengenai retorik lagu Melayu dakwah dengan menggunakan 10 buah lagu dari Koleksi Terbaik Raihan. Pengkaji menyatakan gaya skema lebih banyak digunakan dalam lagu dakwah ini berbanding gaya trope. Antara gaya skema yang paling banyak digunakan ialah gaya skema perulangan. Menurut pengkaji, penggunaan gaya perulangan dapat memberi kesan penegasan, kefahaman dan mudah diingati oleh khalayak. Hal ini bersesuaian dengan konsep dakwah, iaitu memberi peringatan dan didikan kepada khalayak.

Nor Raudah Siren (2000) mengkaji mengenai unsur retorik pengucapan dakwah Ustaz Ismail

Kamus. Pengkaji menyatakan seorang pendakwah perlu bijak dan mahir dalam menggunakan ilmu retorik yang disusun mengikut syariat Islam. Hal ini kerana retorik merupakan ilmu mengenai kecekapan berbahasa yang dengannya golongan sasaran akan terpengaruh dan dapat dibentuk mengikut kehendak pengucap. Pengucap yang bijak juga ialah pengucap yang boleh mempersempahkan idea dan cara menarik minat khalayak untuk mendengar ucapannya. Dalam kajian ini, Ustaz Ismail Kamus dilihat berjaya menerapkan unsur retorik ethos, pathos dan logos dalam ucapannya. Kesemua unsur retorik ini digunakan oleh pengucap bagi mengukuhkan penyampaian isi ceramahnya.

Nurul Ain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) membuat kajian mengenai retorik naratif dalam novel Orang Kota Bharu dengan menggunakan teori retorik moden oleh Enos & Brown (1993). Beliau menyatakan bahawa pengarang novel tersebut menggunakan retorik naratif bagi menterjemahkan pemikirannya mengenai orang Kota Bharu. Pengkaji meneliti mengenai retorik naratif dalam novel tersebut daripada aspek tema, ekonomi, politik, masalah sosial dan juga keagamaan. Di samping memanfaatkan retorik naratif, pengkaji juga mendapat pengarang novel tersebut, iaitu S. Othman Kelantan menerapkan bahasa figuratif dalam karyanya. Penggunaan kata yang halus maknanya memerlukan tahap pemikiran yang tinggi agar pembaca dapat memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob (2015) meneliti mengenai teknik retorik dalam novel Salina dengan menggunakan Teori Retorik Moden yang dipelopori oleh Enos dan Brown (1993). Kajian menunjukkan teknik retorik penceritaan paling banyak digunakan oleh A. Samad Said dalam karya Salina. Pengkaji menyatakan retorik penceritaan ini menggambarkan kebijaksanaan dan penelitian pengarang bagi menyampaikan mesej kepada pembaca. Hal ini kerana pembinaan jalan cerita yang menarik membuatkan pembaca tertarik dan mudah untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Noor Husna Abd Razak (2011) membuat kajian mengenai retorik dalam iklan produk kesihatan dengan menggunakan Teori Retorik Moden. Pengkaji menganalisis iklan daripada segi struktur, gaya dan jenis retorik. Hasil kajian menyatakan retorik digunakan dalam iklan bagi menarik perhatian pelanggan membeli produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka. Hal

ini kerana penggunaan retorik yang berkesan dalam sesuatu jenis iklan akan dapat mengubah persepsi pelanggan sama ada daripada segi emosi dan juga tindakan mereka terhadap produk tersebut.

Lee Ai Chat (2001) menganalisis teknik retorik yang terdapat dalam teks ucapan Dr. Mahathir Mohammad. Teks ucapan tersebut merupakan teks ucapan politik Dr. Mahathir Mohammad di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1992, 1994, dan 1996 dan dianalisis dengan menggunakan model wacana Grimes (1975). Pengkaji menyatakan teknik retorik yang paling banyak digunakan oleh Dr. Mahathir ialah teknik penyampaian maklumat. Antaranya ialah penyampaian maklumat secara pemberian contoh, pernyataan maklumat lama dan pernyataan maklumat baru. Hal ini berikutan tanggungjawab Dr. Mahathir pada ketika itu sebagai Perdana Menteri Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan ceramah agama Ustaz Kazim Elias (UKE) yang diambil daripada rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 terbitan ASTRO OASIS. Pengkaji memilih ceramah UKE dalam rancangan ini kerana program ini telah berjaya mendapat sambutan daripada khalayak. Hal ini dapat dibuktikan apabila program ini telah meneruskan rakamannya hingga ke siri ketiga. Program ini berjaya kerana terdapat penggunaan unsur retorik dalam ceramah agama UKE yang membuatkan khalayak terkesan dengan ceramahnya. Rancangan ini mempunyai 39 episod bersamaan dengan 13 buah tajuk ceramah dan setiap tajuk mempunyai 3 bahagian. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menghuraikan teknik retorik yang terdapat dalam ceramah agama UKE. Bagi mendapatkan data kajian yang tepat, pengkaji menggunakan kaedah pensampelan sistematis. Melalui sampel yang dipilih, pengkaji telah menetapkan saiz sampel, iaitu ceramah yang diberi tumpuan untuk kajian ini ialah 53.8% daripada jumlah populasi. Oleh itu, daripada 13 tajuk yang bersamaan 39 episod ceramah yang terdapat dalam rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 tersebut, pengkaji hanya menumpukan kepada tujuh buah tajuk ceramah sahaja bagi mengenal pasti jenis retorik yang digunakan oleh UKE. Bagi melakukan penganalisaan kajian, ceramah tersebut telah di transkripsi terlebih dahulu oleh pengkaji. Menurut Kamus Linguistik (1997), transkripsi ialah pemindahan bunyi bahasa kepada bentuk


tulisan. Transkripsi terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu transkripsi fonetik, transkripsi fonemik dan transkripsi ejaan (ortografi). Dalam konteks kajian ini, transkripsi ortografi diaplikasikan bagi mempersemprehankan data dapatan kajian. Pengkaji menggunakan Model Retorik Raminah Sabran (2002) untuk melakukan kajian ini.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa ceramah agama UKE menggunakan retorik pemerian. Retorik pemerian ialah retorik yang mempunyai hubungan dengan penutur yang berusaha untuk memberikan perincian mengenai sesuatu yang dibicarakannya sehingga khalayak benar-benar dapat memahaminya. Kata “pemerian” berasal daripada kata “peri-memerikan” yang bermaksud “melukiskan sesuatu hal” (Gorys Keraf 1981). Kata pemerian juga dapat dertiarkan sebagai kata pemerian yang berasal daripada kata Latin “describere” yang bermaksud “menulis tentang” atau “menjelaskan sesuatu hal.” Retorik pemerian memerlukan penutur menyampaikan ucapannya menggunakan pandangan dan pemerhatian bagi menggambarkan peristiwa, contoh kiasan dan sebagainya (Sobariah Baharum 2008). Retorik pemerian juga merupakan satu teknik yang digunakan oleh penutur atau penceramah yang bertujuan untuk menerangkan atau memerihalkan mengenai sesuatu perkara dengan menggunakan pengamatan atau pemerhatian. Apabila khalayak mendengar ceramah atau ucapannya, ia boleh membuatkan seolah-olah khalayak melihat sendiri akan perkara yang digambarkan. Ketika menggunakan teknik retorik ini, kebiasaannya penceramah akan menggunakan contoh yang jelas, tanggapan atau istilah yang khusus apabila menerangkan akan sesuatu perkara. Menurut Raminah Sabran (2002) retorik pemerian dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pemerian saintifik dan pemerian imaginatif. Pemerian saintifik merupakan retorik yang menitik beratkan mengenai percirian atau penerangan berkenaan sesuatu hal berdasarkan fakta sebenar yang ada pada sesuatu perkara dan khalayak dapat memahami serta mengenali akan perkara tersebut setelah mendengarnya. Manakala pemerian imaginatif pula merupakan bentuk penerangan yang menggunakan daya imaginasi untuk menerangkan sesuatu kepada khalayak dan mereka dapat menghayatinya.

JADUAL 1. Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama Ustaz Kazim Elias

Bil	Jenis Pemerian	Jumlah Kekerapan
1.	Imaginatif	31 (55%)
2.	Saintifik	25 (45%)
	Jumlah	56 (100%)



CARTA 1. Peratusan Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama Ustaz Kazim Elias

Jadual 1 merupakan taburan kekerapan jenis retorik pemerian yang terdapat dalam ceramah agama UKE. Teknik pemerian imaginatif menunjukkan penggunaan paling tinggi, iaitu sebanyak 31 kali bersamaan 55 peratus. Manakala teknik pemerian saintifik pula menunjukkan penggunaan sebanyak 25 kali bersamaan 45 peratus. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji berpendapat UKE lebih gemar menggunakan pemerian imaginatif ketika menyampaikan ceramahnya kerana teknik ini dapat memberikan pengalaman atau idea kepada khalayak sehinggakan dapat memberi kesan kepada khalayak untuk menerima atau melakukannya. UKE bijak menggunakan kata-katanya sebagai pengantaraan untuk menerangkan tentang ciri-ciri, sifat, watak dan seumpamanya bagi menjadikan ceramahnya mempunyai nilai yang sampai kepada hati khalayak. Berikut merupakan contoh retorik pemerian dalam ceramah agama UKE.

## PEMERIAN SAINTIFIK

- i. *Sunnah semua nabi ada beberapa jenis sunnah. Pertama sunnah semua nabi ialah kahwin. Nabi Adam pun kahwin. Nabi Muhammad kahwin. Nabi Isa yang saya kata tadi. Nabi Musa pun kahwin banyak. Nabi Sulaiman lagi banyak. Nabi Daud lagi banyak. Yang kedua sunnah*

*nabi ialah berwangi-wangian. Memakai minyak wangi itu adalah sunnah. Sentiasa berwangi-wangian. Yang ketiganya ialah bercelak. Dan yang keempatnya ialah malu. Sunnah nabi yang semua nabi bersunnah dengan malu. Mempunyai sifat malu. Baik, salah satu sunnah nabi ialah berkahwin. Siapa yang benci kepada sunnahku maka dia bukan daripada aku dan dia benci kepada aku. Sunnah nabi banyak la tuan-tuan. Nabi juga menyimpan janggut. Jadi, akak-akak janganlah simpan pula. Nak ambil sunnah nabi pakat dok pakai minyak bon. Tiap-tiap hari buh bon. Sebulan keluar janggut. Balik-balik rumah "abang!" Hah, lari suami tu. Jadi, akak-akak tak payah ada janggut. Biar suami ja berjanggut. Nak dapat pahala sunnah berjanggut, main janggut suami. Duk depan dia main, "Ei...geramnya, geramnya, geramnya!" Dapat pahala. Jadi, abang-abang simpan-simpanlah janggut. Sunnah.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 9)

- ii. *Rasulullah, dia tunggu kita dekat dengan neraca mizan. Neraca timbang. Sampai ada di kalangan kita ni tuan-tuan, yang beratnya sama. Baik, jahat sama, baik jahat sama, tak tau nak pi mana. Tuan-tuan nak minta tolong mak. "Mak, bagi sikit pahala mak. Sama berat mak oi." Nak cari tang mana mak. "Mak, pahala sikit." Kalau mak pun ada, "Aku tak mau aih, aku pun tak cukup, bagi kat hang." "Pak, sikit pak." "Taubat lahom aku tak bagi." Nabi kata dah, Allah kata dah, di hari kiamat tak dak siapa boleh bantu. Ulama pun tak boleh bantu, ustaz tak boleh bantu, sapa pun. "Ustaz Kazim, pahala sikit. Bagi berat sikit ja belah kanan, lepaslah saya." Ustaz Kazim pun tak boleh bantu. "Aku pun tak cukup, bagi kat hang. Nu aku banyak lagi dok mengata kat orang. Sat lagi esok kena potong habis." Yang bagi sapa? Nabi Muhammad... Nabi buka serban nabi, nabi letak belah kanan, akhirnya berat belah kanan. Malaikat report dekat Tuhan. "Ya Allah, Nabi Muhammad letakkan serbannya Ya Allah." Kata Allah "Biarkan. Bukankah itu umatnya." Kita hari ni tak pernah pakai serban. Kutuk lagi ada. "Haji pun tak pi, pakai serban, perasan." Biaqla. Dia helmet tak dak. Pakai serban pasai tak mau pakai helmet pun ada tuan-tuan oi. Pakai... Sunnah Nabi pakai. Itulah besok nabi nak tolong kita. Sampai Nabi Muhammad duduk di tepi titian sirath, tiap-tiap kali umat Nabi Muhammad nak lintas titian sirat, Nabi*

*Muhammad bercakap "Sallim, sallim, sallim." Selamatkanlah dia Ya Allah. Selamatkanlah dia Ya Allah. Nabi doa pada kita. Padahal nabi dah boleh masuk syurga, dah terbuka pintu syurga. Nabi dah boleh masuk... Nabi tunggu kita. Mana nak cari orang macam ini tuan-tuan? Kita pi kenduri kahwin, buffet. Cedok, cedok, cedok nasi, boh lauk tengok ada satu kerusi kosong, terus kita duduk. Ada kita jaga, kawan kita tiga orang hat mai sekali. Dapat, dapat duduk, "Hampa tengok la, pandai-pandai hampa la. Bawah pokok tu pun kosong." Emm... Kerusi dapat pun dia tinggai kawan dia, bayangkan kalau dapat syurga, lagi tak tengok. Nabi Muhammad dapat syurga dia tunggu kita. "Sallim, sallim, sallim." Tunggu kita. Dia nak ajak kita sama-sama masuk syurga. Jom, jom tuan-tuan, jom, jom, jom kita buat. Kita buat. Sayang pada nabi, nescaya Allah balas kepada kita dengan penuh kebesaran, kemuliaan pada kita.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 15)

- iii. *Berbuat bakti kepada kedua mak bapa banyak faedahnya. Baik, ada tujuh faedah buat baik kepada mak bapa. Nombor satu, berbuat baik kepada mak bapa ialah amalan yang disukai oleh Allah Taala dan menyamai amalan dengan pahala perang sabillillah. Bahkan lebih afdal daripada perang sabillillah. Subhanallah. Sebab itu ada dua kes zaman Rasulullah. Seorang sahabat tanya, "Ya, Rasulullah boleh tak izinkan saya pergi berperang?" Maka nabi tanya, "masih adakah mak bapa kamu di rumah?" "Ya, Rasulullah." "Balik, pergi juga mak bapa kamu. Tak payah pergi perang." Mashaa Allah. Nabi tak izinkan dia pergi perang. Jaga mak bapa lagi afdal pada perang. Baik, ada pula satu hadis yang suruh perang. Di sini ada dua keadaan. Yang pertama, kalau musuh itu di luar, di luar negara atau di luar kota, maka pada masa itu kalau ada mak bapa, lebih afdal bela mak bapa daripada pergi berperang dengan musuh di luar. Tetapi, apabila musuh telah sampai di sempadan, musuh telah masuk dalam negeri, maka pada masa itu afdal pergi berperang. Tinggalkan mak bapa sebab musuh dah masuk. Kalau kamu jaga mak bapa, dengan mak bapa kamu mati sekali. Di sini letaknya tuan-tuan kedudukan perang.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 20)

- iv. *Baik, dan firman Allah Taala lagi atas suruh berkahwin. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 232. Fa laa ta'dhuluuhunna ay yangkikhna azwajahunn. Dan janganlah sekalian kamu hai para wali menegah kembali, menegah kembali nikah perempuan yang bercerai dengan suaminya. Dalam ayat ini Allah Taala pesan kepada kita wali-wali kalau anak gadis kamu, ataupun anak kamu yang dah jadi janda nak kembali berkahwin dengan bekas suaminya, wali-wali jangan bantah. Itu hak anak.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 8)

Contoh (i) merupakan retorik pemerian jenis saintifik yang menunjukkan UKE menerangkan kepada khalayak mengenai sunnah para nabi yakni segala amalan atau sesuatu yang diamalkan oleh para nabi seperti perbuatan, akhlak, perilaku dan juga perjalanan hidup mereka. Ungkapan retorik pemerian dalam contoh (i), “sunnah semua nabi ada beberapa jenis sunnah” merupakan ujaran UKE yang menjelaskan kepada khalayak bahawa terdapat beberapa sunnah nabi antaranya ialah berkahwin, berwangi-wangian, memakai celak, mempunyai sifat malu dan juga menyimpan janggut. Ungkapan ini dapat diangkat sebagai retorik pemerian saintifik kerana menurut Raminah Sabran (2002), pemerian saintifik ialah pemerian tentang sesuatu perkara sebenar yang terdapat pada perkara tersebut. Pemerihalan mengenai sunnah nabi adalah perkara sebenar yang terdapat dalam hadis yang merupakan pegangan orang Islam. UKE menegaskan kepada khalayak dengan memetik hadis Rasulullah SAW yang menyatakan “sesiapa yang membenci kepada sunnahku, dia bukanlah daripada kalanganku.” Hadis ini dapat menguatkan keterangan bahawa mengikut perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah merupakan perkara yang dituntut dalam agama. Bahkan UKE menyarankan kepada para isteri supaya bermain-main dengan janggut suami. Perkataan “bermain-main” ini boleh merujuk kepada perbuatan “bermesra-mesra” antara suami isteri dan boleh menggembirakan hati pasangan, malahan kerukunan rumah tangga akan bertambah apabila suami isteri hidup dalam keadaan yang harmoni.

Contoh (ii) merupakan retorik jenis pemerian saintifik yang menceritakan mengenai situasi di padang mahsyar, iaitu tempat manusia semua dibangkitkan selepas berlakunya kiamat. Ungkapan retorik “Rasulullah, dia tunggu kita dekat dengan neraca mizan” merupakan ujaran UKE yang ingin menerangkan mengenai mulianya sifat Rasulullah

SAW yang sanggup membantu umatnya untuk masuk ke syurga bersama-sama. Rasulullah terlalu kasih akan umatnya hingga sanggup meletakkan serbannya di atas neraca mizan, iaitu neraca timbang bagi memberatkan amalan kebaikan umatnya. UKE menyuntik emosi khalayak dengan memberikan contoh “*kita pi kenduri kahwin, buffet. Cedok, cedok, cedok nasi, boh lauk tengok ada satu kerusi kosong, terus kita duduk. Ada kita jaga, kawan kita tiga orang hat mai sekali. Dapat, dapat duduk, “Hampa tengok la, pandai-pandai hampa la. Bawah pokok tu pun kosong.” Emm... Kerusi dapat pun dia tinggi kawan dia, bayangkan kalau dapat syurga, lagi tak tengok.*” Hal ini menunjukkan seorang sahabat akan meninggalkan sahabatnya apabila menemui sebuah kerusi, apatah lagi apabila mendapat syurga yang penuh dengan nikmat sudah semestinya kawan akan dilupakan. Namun begitu, berbeza dengan sifat Rasulullah yang akan menunggu umatnya masuk dahulu ke pintu syurga. Oleh sebab itulah, UKE menyatakan kepada khalayak supaya sayang dan mengamalkan sunnahnya supaya di akhirat nanti memperoleh syafaat baginda. Dalam contoh (ii) ini UKE memerikan sifat mulia Rasulullah dengan menggunakan gaya penceritaan. Menurut Gorys Keraf (1981) gagasan-gagasan yang bersifat umum atau huraian yang bersifat abstrak mungkin tidak dapat dilihat atau diterima khalayak. Namun begitu, sekiranya perkara yang abstrak dan umum disampaikan dalam perincian-perincian yang konkrit dan terarah, khalayak akan lebih mudah untuk menerima dan memahaminya.

Ungkapan retorik dalam contoh (iii), iaitu “berbuat bakti kepada kedua mak bapa banyak faedahnya. Baik, ada tujuh faedah buat baik kepada mak bapa. Nombor satu, berbuat baik kepada mak bapa ialah amalan yang disukai oleh Allah Taala dan menyamai amalan dengan pahala perang *sabillillah.*” Ungkapan ini merupakan retorik jenis pemerian saintifik yang menerangkan mengenai kebaikan berbuat baik kepada kedua ibu bapa. UKE memetik sebuah hadis yang menyatakan bahawa menjaga kedua ibu bapa itu lebih mulia daripada pergi berperang. Bagi meyakinkan khalayak, UKE menggunakan pemerian saintifik dengan menjadikan sumber hadis sebagai sandaran bagi menjelaskan mengenai suatu peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah. Menurut Gorys Keraf (1981) pemerian saintifik atau deskripsi ekspositoris ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada khalayak supaya khalayak dapat mengenalnya apabila berhadapan dengan perkara tersebut. Rasulullah memerintah

seorang sahabat supaya tidak pergi berperang kerana beliau masih mempunyai ibu bapa. Dalam hal ini UKE menerangkan kepada khalayak bahawa terdapat dua situasi yang membolehkan seseorang itu pergi berperang, pertama, apabila musuh sudah berada dalam negeri. Pada waktu ini wajib kepada mereka untuk pergi berperang. Kedua, jika masih mempunyai ibu bapa tidak wajib untuk pergi berperang jika musuh masih belum memasuki negeri tersebut.

Contoh (iv) merupakan ayat retorik berbentuk pemerian saintifik. Contoh ini diangkat sebagai pemerian saintifik kerana UKE menggunakan ayat al-Quran sebagai hujah kepada khalayak supaya tidak menghalang anak mereka yang ingin berkahwin semula dengan bekas suaminya. Raminah Sabran (2002), pemerian saintifik ialah pemerian tentang sesuatu perkara sebenar yang terdapat pada perkara tersebut. Hal ini dapat dikesan apabila UKE membacakan ayat al-Quran kemudian menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya khalayak dapat memahaminya. Apabila situasi seperti ini berlaku, khalayak akan mengetahui perkara yang perlu dilakukan oleh mereka untuk menyelesaikan perkara tersebut. Hal ini bertepatan dengan Gorys Keraf (1981) yang menyatakan bahawa pemerian saintifik bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada khalayak tentang sesuatu hal.

#### PEMERIAN IMAGINATIF

- i. *Posa ni mula-mula gemuk tau. Pagi-pagi gemuk lepas kita sahur tu ni dia pala punya gemuk. Kalau naik motor tak leh berjalan. Pasai gemuk. Mai tengah hari dia makin kuruih. Mai petang dia makin kuruih. Mai malam langsung tak dak. Sebab apa yang pahala ni hilang? Sebab mata tak dijaga. Tengok aurat orang. Pi pasar ramadhan dok tengok aurat. Pakai skirt, nyonya pakai skirt. Pakai baju singkat. Posa, posa. Tengok, tengok. Dia kata "ustaz, tak tengok rugi." "Rugi pa? Hang la rugi. Hilang pahala." Ni, jaga telinga. Jangan dok dengar benda haram. Jaga lidah. Jangan dok mengumpat. Jaga perut. Buka posa dengan benda halal. Jaga semua supaya kita ni jadi posa yang terbaik.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 27)

- ii. *Orang yang meraikan cinta, berkasih sayang ni tuan-tuan dia sentiasa dalam kasih sayang Allah. Dan jangan jemu untuk bercinta. Setiap*

*hari semarakkan cinta. Cinta pada suami, cinta pada isteri dapat pahala. Cinta pada suami ni tuan-tuan, akak-akak, akak-akak senyum pada suami akak-akak pun dapat pahala. SMS pada suami pun pahala. SMS yang baik-baik la. Jangan SMS buruk pulak. "Abang kat mana?" Dekat luar." "Bila balik?" "Tak balik kot." "Celaka betul awak ni." Haa tu. Celaka disebutnya. Yang tu tak ada la pahala. Cakap yang baik-baik "Abang kat ne?" "Abang kat luar." "Buat pe?" "Makan char kue tiaw." "Nanti balik bungkus tau." "Ok." Dapat pahala. Meraikan cinta kita. Pegang tangan suami, pegang tangan isteri, gugur dosa daripada celah-celah jari. Itu maknanya meraikan cinta. Dok dalam kereta pegang tangan isteri. 'Nak pegang macam mana ustaz? Dia bawak kereta, macam mana nak masuk gear?' "Masuk gear sama-sama." Apa masalahnya. Pegang tangan isteri masuk gear sama-sama. Daripada P pergi R. Daripada R pergi N. N pergi D. Kan seronok. Dekat traffic light pegang. Masuk N sama-sama je. Kan bagus. Sementara nak tunggu lampu hijau, pegang tangan isteri, cium. "Sayang sangat." Nanti sampai lagi traffic light dekat car wash nu, berhenti lagi sekali. Isteri pula ambil tangan suami. "Sayang kat abang." Isteri tanya, "tadi abang pergi toilet ke?" "Ha ah." "Tak basuh ke?" "Tandas repair." Ini pun masalah juga. Tak romantik langsung. Macam mana nak raikan cinta. Takde romantik. Sebab itu bila kita sebut meraikan cinta, kita dah ada suami kita, kita dah ada isteri kita, enjoy. Kan seronok kalau enjoy. Makan bersama, mandi bersama, tidur bersama, tengok televisyen bersama. Kenapa tak enjoy? Yang salahnya masa bercinta belum kahwin, enjoy. Yang tu yang salah.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 31)

- iii. *Maka katanya sukalah menurut nafsu dengan makan mau sedap, pakai mau elok, tidur mau cukup sempurna, mahu melancang, dan makan angin dan bersuka-suka. Sebagai keadaan orang-orang kaya dan orang-orang yang senang dalam ehwal kehidupan. Jadi, akak-akak di sini, kitab ni pesan ikutlah, bersederhanalah, berbelanja mengikut kemampuan kita rumah tangga. Janganlah kita Ya Allah, ada orang yang buat kenduri kahwin, bila buat kenduri kahwin dia nak lawan orang sebelah dia. Dia nak lawan orang jiran dia. Maka suami ni lah terpaksa ikut belakang. "Jom abang, kita*

*singgah sekejap dekat spa pengantin ni. Kita tengok pelamin mana yang sesuai untuk anak kita. "Suami ni tak kata apa. Ikut isteri dia. Nak pilih yang ni, nak pilih yang ni, dia tanya pula dekat butik pengantin ni. "Yang hari tu yang 16 hari bulan yang kenduri kahwin tu, pelamin orang sebelah tu harga berapa ribu? "Yang tu tak mahal mak cik, dalam 12 ribu. Tapi kalau mak cik nak yang ni lawa. Yang ni 18 ribu. Lagi grand mak cik tau." Menyampah. "Haa... Yang ni 18 ribu, kalau jiran mak cik tengok pun haa tak tahu la." "Haa...Boleh tempah, boleh tempah." Dah dihasut macam tu pulak, 18 ribu pun 18 ribu la. Laki dia sekali garu kepala gugur rambut. Mana nak cari duit ni? Sebab tu buat kenduri alar kadar sudah.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 2)

- iv. *Baik, kemudian suami sekiranya suami tidak menjaga diri dan menuntut anak isteri itu sebagai kemahanan syarak dan menurut sepatut dengan pencarianmu itu atas nafkahnya, pasti susahlah kamu kerana selagi diturutkan nafsu seseorang hatta nafsu diri sekalipun, tetaplah tiada kan cukup. Pengarang kitab ni kata kalau kita masing-masing nak ikut hawa nafsu kita memang tak akan rasa puas. Nafsu kita mana puas tuan-tuan. Sebab itu Islam mengajar kita satu sifat yang dipanggil sebagai sifat khanaah. Bersyukurlah dengan apa yang ada. Jangan dok nampak isteri orang. Akhirnya kita tak menghargai isteri kita. Jangan dok tengok suami orang, akhirnya kita tak seronok dengan suami kita. Yang orang punya rezeki dia, yang orang punya jodoh dia. Ini jodoh kita. Ini rezeki kita. Enjoylah. Enjoy dengan apa yang tuan-tuan ada. Tuan-tuan sekarang orang pencen, suami pun orang pencen. Enjoy! Pagi-pagi bangun subuh pergi sembahyang, bawa isteri sembahyang subuh. Seronok. Habis sembahyang subuh, jogging. Dengan telekung jogging kat taman. Tudia. Apa salahnya tuan-tuan? Bukannya salah. Cuma orang kata tak berapa sihat. Itu ja lah. Habis kata pun cuma dia kata tak sihat.*

(Kalau Dah Jodoh Siri 1, episod 2)

Contoh (i) merupakan retorik jenis pemerian imaginatif. Retorik ini memerlukan pengucap menggunakan daya imaginasi mereka untuk menerangkan sesuatu perkara kepada khalayak. Hal ini kerana dalam pemerian imaginatif, penulis atau

pengucap perlu menunjukkan atau memindahkan kesan-kesan akan sesuatu objek atau perkara melalui tulisan atau ucapan kepada khalayak dengan memberikan penekanan kepada hasil pengamatan dan perasaan mereka terhadap sesuatu perkara (Gorys Keraf 1981). Dalam contoh (i) retorik jenis pemerian imaginatif dapat dilihat apabila UKE menyatakan "*posa ni mula-mula gemuk tau. Pagi-pagi gemuk lepas kita sahur tu ni dia pala punya gemuk. Kalau naik motor tak leh berjalan. Pasai gemuk. Mai tengah hari dia makin kuruih. Mai petang dia makin kuruih. Mai malam langsung tak dak*" merupakan ungkapan retorik yang berbentuk kiasan. Ungkapan "gemuk" ini merujuk kepada keadaan puasa pada awal pagi penuh dengan ganjaran pahala dan kebaikan, manakala ungkapan "kuruih", iaitu "kurus" bermaksud keadaan puasa menjelang petang ganjaran pahala tersebut semakin berkurang akibat perbuatan seseorang yang tidak menjaga amalannya. Bagi memudahkan khalayak memahaminya, UKE memberikan contoh yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran khalayak apabila memetik situasi di bazar Ramadan. Ustaz Kazim Elias menjelaskan kepada khalayak supaya menjaga mata seperti tidak memandang aurat orang lain yang terdedah. Situasi seperti ini sering dan mudah dilihat apabila khalayak pergi untuk membeli juadah berbuka puasa di bazar Ramadan. Apabila mengambil contoh yang mudah seperti itu, khalayak akan lebih mudah untuk memahaminya kerana perkara tersebut benar-benar berlaku dalam persekitaran mereka. Hal inilah dikatakan pemerian imaginatif apabila UKE cuba memberikan kesan imaginasi kepada khalayak seolah-olah mereka melihat sendiri kejadian tersebut (Gorys Keraf 1981).

Contoh (ii) merupakan retorik jenis pemerian imaginatif. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan retorik "setiap hari semarakkan cinta." Mengikut Kamus Dewan (2013) semarak bermaksud gembira dan meriah. Bagi memastikan khalayak memahami bagaimana untuk menyemarakkan cinta, UKE memberikan contoh kepada khalayak seperti sentiasa senyum kepada pasangan, menggunakan bahasa yang sopan, melakukan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan sentiasa mewujudkan suasana yang harmoni dengan penuh kasih sayang. UKE menerangkan kepada khalayak dengan mewujudkan situasi-situasi seperti dialog di atas bagi memudahkan khalayak memahami dan tidak berasa bosan apabila mendengar ceramahnya. Pendapat ini disokong oleh Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2007) yang menyatakan strategi dialog, monolog dan pemerian merupakan suatu teknik penyampaian yang dipilih

oleh penutur atau penulis untuk membina atau menyampaikan sesuatu cerita supaya cerita atau kisah yang dinyatakan itu dapat menarik perhatian khalayak. Hal ini selari dengan Zikmal Fuad (2015) yang menyatakan bahawa bahasa yang mudah dan lembut merupakan satu strategi dakwah bagi membolehkan khalayak menghayati mesej yang ingin disampaikan oleh penutur.

Ungkapan retorik dalam contoh (iii) ialah “Jadi, akak-akak di sini, kitab ni pesan ikutlah, bersederhanalah, berbelanja mengikut kemampuan kita rumah tangga.” UKE memerikan perkataan bersederhana dan berbelanja mengikut kemampuan dengan memberikan gambaran imaginatif mengenai situasi ibu bapa yang ingin mengadakan majlis perkahwinan anak mereka secara besar-besaran akibat terpengaruh dengan keadaan persekitaran. Dalam contoh ini Ustaz Kazim Elias menasihati khalayak supaya bersederhana dalam menjalani kehidupan. Hal ini kerana pada masa kini, masyarakat lebih suka berlumba-lumba untuk menunjukkankekayaan dan kehebatan masing-masing. Sikap seperti ini merupakan sikap yang tidak baik kerana ia boleh memberi kemudaratuan kepada kehidupan mereka. Contoh di atas mudah untuk difahami kerana menurut Gorys Keraf (1981) sesuatu perkara akan lebih jelas apabila pengucap atau penulis menyampaikan sifat dan semua perincian mengenai sesuatu kepada khalayak. Hal ini memudahkan khalayak untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh UKE kerana menurut Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob (2015), pembinaan jalan cerita yang menarik akan membuatkan ceramah tersebut berkesan.

Ungkapan retorik dalam contoh (iv) di atas ialah “bersyukurlah dengan apa yang ada.” Dalam contoh di atas UKE memerihalkan maksud “bersyukurlah dengan apa yang ada” dengan menyarankan kepada khalayak supaya menghargai apa yang ada di sekeliling mereka. Untuk memudahkan khalayak memahami dan dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian, UKE memberikan contoh yang sangat mudah dengan mengambil perkara yang berlaku dalam kehidupan harian individu. Misalnya, melakukan aktiviti riadah bersama-sama pasangan pada waktu pagi. Hal ini menunjukkan UKE bijak mengaplikasikan perkara yang berlaku di sekeliling masyarakat sebagai suatu contoh yang boleh menarik perhatian khalayak untuk memahami isi penyampaiannya. Nor Raudah Siren (2000) menyatakan pengucap yang bijak ialah pengucap yang mahir mempersesembahkan

ideanya untuk menarik perhatian khalayak. Hal ini jelaslah menunjukkan penggunaan retorik pemerian berbentuk imaginatif merupakan satu strategi untuk membuatkan khalayak terpengaruh.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap retorik pemerian dalam ceramah agama yang disampaikan oleh UKE didapati beliau menggunakan retorik pemerian saintifik dan imaginatif. UKE menggunakan pemerian saintifik bagi memerihalkan perkara yang berkaitan dengan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai rujukan yang merupakan pegangan umat Islam bagi merujuk perkara hak dan batil. Manakala pemerian imaginatif digunakan oleh UKE bagi memerikan sesuatu perkara dengan menggunakan imaginasi sama ada dalam bentuk dialog atau penceritaan. Penggunaan teknik ini dapat membantu khalayak untuk lebih memahami kerana penceramah perlu menimbulkan kesan imaginasi dan gambaran kepada khalayak terhadap sesuatu perkara. Tambahan pula, penggunaan retorik pemerian dalam sebuah ceramah agama dapat membantu khalayak untuk menerima dan mengukuhkan ilmu yang sedia ada. Hal ini bertepatan dengan Raminah Sabran (2002) yang menyatakan tujuan penggunaan retorik dalam penulisan mahupun pertuturan adalah bagi memberi kesan yang lebih mendalam kepada khalayak. Oleh itu, penggunaan bahasa yang lembut dan teratur bukan sahaja dapat mengubah fikiran khalayak malahan dapat menakluki hati mereka. Secara tuntasnya kajian ini penting dilakukan kerana kajian ini bukan sahaja dapat memberikan kepentingan kepada pihak yang terlibat dalam bidang ceramah agama sahaja, bahkan semua yang terlibat dalam pengucapan awam supaya dapat meningkatkan tahap kepekaan mereka terhadap peri pentingnya menggunakan bahasa yang berkesan, bergaya, mengasyikkan dan seronok didengar ketika berkomunikasi (Zoriati Osman 2005).

## RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. 2013. Strategi Dakwah dalam Mendepani Cabaran Semasa. Dalam *Isu-isu Dakwah Semasa. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*. Diambil dari [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227\\_98531.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227_98531.pdf) pada 9 April 2017.

- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Al-Hikmah* 6(2): 78-90.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. 2015. Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 2: 49-59.
- Fadilah Isnin. 2002. Retorik lagu Melayu dakwah: Analisis retorik paling luas. Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Gorys Keraf. 1981. *Eksposisi dan Deskripsi*. Penerbit Nusa Indah Lanham, R. A. 1991. *A Handlist Rhetorical Terms*. London: University of California Press.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Ai Chat. 2001. Analisis Teks Ucapan Politik Bahasa Melayu dari Segi Retorik: Satu Kajian Kes terhadap Ucapan Politik Dr. Mahathir Mohamad. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2007. Kewajaran pengajaran komsas dalam bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 5. <http://jurnalperadabanipm.blogspot.com/2008/08/jurnal-peradaban-melayu>. Diakses pada 10 November 2016.
- Nurul Ain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2016. Retorik Naratif dalam Novel “Orang Kota Bharu.” *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2): 13-22.
- Nor Raudah Siren & Faridah Mohd. Sairi. 2003. Beberapa aspek retorik dalam surah al-Ra'd. *AL-BAYAN Journal of Al-Quran & al-Hadith* 1: 151-168.
- Nor Raudah Siren. 2000. Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus. *AFKAR* 1(1): 197-205.
- Nor Raudah Siren. 2013. *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Husna Abd Razak. 2011. Retorik dalam Iklan Kesihatan. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Raminah Sabran. 2002. Retorik Pendedahan dan penghujahan. *Pelita Bahasa* 14(11): 42-43.
- Raminah Sabran. 2002. Retorik pemujukan dan pemerian. *Pelita Bahasa* 14(12): 42-43.
- Sobariah Baharum. 2008. Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Zikmal Fuad. 2015. Pendekatan Bahasa dalam Dakwah. *E-jurnal Penyelidikan dan Inovasi* II(II): 14-25.
- Zoriati Osman. 2005. Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Husna Hidayah Mansor  
Pelajar Master Sastera (Bahasa Melayu)  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor.  
E-mel : hidayahusnamansor@yahoo.com

Nor Azuwan Yaakob  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor.  
E-mel : azuwan@upm.edu.my

Zaitul Azma Zainon Hamzah  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor.  
E-mel : zazh@upm.edu.my